



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA ELECTED AS VICE CHAIR OF THE 12TH OIC STATISTICAL COMMISSION (OIC- STATCOM) SECOND HIGHEST-LEVEL INTERGOVERNMENTAL FORUM

PUTRAJAYA, OCTOBER 6, 2023 – Malaysia, through the Department of Statistics Malaysia (DOSM), has been elected as the Vice Chair of the Bureau Member of the 12th OIC Statistical Commission (OIC-StatCom), an intergovernmental forum of paramount significance in the global statistical community. This significant achievement is a testament to Malaysia's dedication to advancing statistical activities and its commitment to international cooperation and diplomacy. **YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician, led Malaysia's delegates at the Commission in Jeddah, Saudi Arabia.**

The Organisation of Islamic Cooperation (OIC) held its 12th OIC-StatCom on October 3rd and 4th, 2023 to enhance statistical capabilities through global collaboration in Jeddah, Saudi Arabia. This significant event gathered the member states' National Statistical Office (NSO) leaders, emphasising the significance of sharing knowledge and learning to produce accurate and reliable data for informed decision-making. The session was meticulously organised by The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC) as the Secretariat, hosted by the General Authority for Statistics (GASTAT) of the Kingdom of Saudi Arabia, in collaboration with the Islamic Development Bank (IsDB). The event saw the participation from NSOs representing OIC countries along with representatives from both international and regional organisations.

The 12th Commission appointed Cameroon as the Chair (Africa Group), while Malaysia (Asia Group), Saudi Arabia (Arab Group), and Palestine (permanent member) were appointed as Vice-Chair. The SESRIC serves as the rapporteur. Elections are conducted based on the geographical distribution among the OIC countries. In 2018 and 2019, Malaysia held the esteemed title of 7th and 8th OIC-StatCom Chairman as well as served as Vice Chair of the Working Group responsible for developing the OIC-StatCom New Strategic Vision for 2030 and Action Program for 2021-2025.

The 12th Commission has acknowledged and commended member states' significant achievements in utilising geospatial technologies to enhance census activities, monitoring Sustainable Development Goal (SDG) 8 and promoting e-learning for statistical capacity development. The custodians of these statistical domains

presented their most recent initiatives, advancements, methodologies, and breakthroughs globally. The agenda of the Commission was thoughtfully curated to meet the needs of member nations in bridging the statistical capacity deficit, thus facilitating the enhancement of their National Statistical System (NSS).

This year, DOSM shared its successful use of geospatial technologies to enhance census activities and the development of SDG 8 Indicators, focusing on decent work and economic growth in the country. During open discussions with other member states, DOSM provided valuable insights on the Commission's activities.

In 2020, DOSM signed a Memorandum of Understanding (MoU) with SESRIC to strengthen their collaboration to improve statistical capabilities among the OIC member states. Under the Statistical Capacity Building Program (StatCaB), DOSM has delivered capacity-building training in various socio-economic fields for OIC member countries. In 2023, DOSM has conducted nine statistical training courses, webinars, and workshops, covering topics such as SDG 9 Indicators (Industry, Innovation, and Infrastructure), SDG 1 Indicators (No Poverty), and SDG 7 Indicators (Affordable and Clean Energy), as well as data on the Islamic Financial Services Sector, basic statistics for diplomats, and international trade statistics and balance of payments.

According to Dr Uzir, the recognition of Malaysia is a reflection of the unwavering dedication of DOSM towards international cooperation, with the aim of promoting official statistics and working towards the Agenda 2030 goal of "Leave No One Behind". It is with great pride that Malaysia regards itself as one of the top providers of statistical expertise, and remain committed to continually enhancing the effectiveness of its statistical system.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6 OCTOBER 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA DIPILIH SEBAGAI NAIB PENERUSI SURUHANJAYA STATISTIK PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM SESI KE-12 (OIC- STATCOM) FORUM ANTARA KERAJAAN PERINGKAT KEDUA TERTINGGI

PUTRAJAYA, 6 OKTOBER, 2023 – Malaysia, melalui Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), telah dipilih sebagai Naib Pengerusi Ahli Biro Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Kerjasama Islam sesi ke-12 (OIC-StatCom), sebuah forum antara kerajaan yang amat penting dalam komuniti statistik global. Pengiktirafan ini adalah bukti dedikasi Malaysia dalam pembangunan aktiviti statistik dan komitmennya terhadap kerjasama dan diplomasi antarabangsa. **YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan, mengetuai perwakilan Malaysia menghadiri Suruhanjaya di Jeddah, Arab Saudi.**

Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah mengadakan OIC-StatCom ke-12 pada 3 dan 4 Oktober 2023 untuk meningkatkan kapasiti statistik melalui kerjasama global di Jeddah, Arab Saudi. Sesi suruhanjaya ini menghimpunkan Ketua *National Statistical Office* (NSO) negara anggota, menekankan kepentingan berkongsi pengetahuan dan pembelajaran untuk menghasilkan data yang tepat dan boleh dipercayai untuk membuat keputusan berasaskan bukti. Sesi ini telah dianjurkan oleh *The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* (SESRIC) sebagai Sekretariat, yang dihoskan oleh *General Authority for Statistics* (GASTAT) Kerajaan Arab Saudi dengan kerjasama *Islamic Development Bank* (IsDB). Suruhanjaya ini turut melibatkan penyertaan daripada Organisasi Statistik Antarabangsa.

Suruhanjaya ke-12 telah melantik Cameroon sebagai Pengerusi (Kumpulan Afrika), serta Malaysia (Kumpulan Asia), Arab Saudi (Kumpulan Arab) dan Palestin (anggota tetap) sebagai Naib Pengerusi, di samping SESRIC sebagai pelapor. Pelantikan ini adalah berdasarkan taburan geografi di kalangan negara-negara anggota OIC. Mengimbas kembali, pada tahun 2018 dan 2019, Malaysia pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi OIC-StatCom bagi sesi ke-7 dan ke-8 serta berkhidmat sebagai Naib Pengerusi bagi Kumpulan Kerja pembangunan Wawasan Strategik Baharu OIC-StatCom bagi 2030 dan Program Tindakan bagi 2021-2025.

Suruhanjaya ke-12 juga telah mengiktiraf dan menghargai pencapaian negara anggota dalam penggunaan teknologi geospasial (GIS) dalam membantu pelaksanaan aktiviti banci, memantau Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 8 dan mempromosikan e-pembelajaran untuk pembangunan kapasiti statistik.

Di samping itu, badan statistik antarabangsa yang merupakan *custodian* domain statistik turut berkongsi inisiatif, kemajuan, metodologi dan penemuan baharu di peringkat global. Agenda Suruhanjaya telah disusun dengan teliti untuk memenuhi keperluan negara anggota dalam merapatkan jurang kapasiti statistik, sekali gus memudahkan peningkatan Sistem Statistik Negara (NSS) masing-masing.

Pada tahun ini, DOSM berkongsi kejayaan penggunaan teknologi GIS dalam pelaksanaan aktiviti banci di peringkat negara dan pembangunan Indikator SDG 8, memfokuskan pekerjaan yang sesuai dan pertumbuhan ekonomi (*decent work and economy growth*) di negara ini. Semasa perbincangan terbuka dengan negara anggota lain, DOSM memberikan pandangan dan cadangan penambahbaikan yang bermanfaat untuk pembangunan aktiviti Suruhanjaya.

Pada tahun 2020, DOSM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SESRIC untuk mengukuhkan kerjasama bagi meningkatkan kapasiti statistik dalam kalangan negara anggota OIC. DOSM telah menyampaikan latihan pembinaan kapasiti dalam pelbagai bidang sosio-ekonomi untuk negara anggota OIC, di bawah program *Statistical Capacity Building* (StatCaB). Pada tahun 2023, DOSM telah menjalankan sembilan kursus latihan statistik, webinar dan bengkel, meliputi topik seperti Indikator SDG 9 (Industri, Inovasi dan Infrastruktur), Indikator SDG 1 (Sifar Kemiskinan) dan Indikator SDG 7 (Tenaga Mampu Milik dan Bersih), serta data Sektor Perkhidmatan Kewangan Islam, statistik asas untuk diplomat dan statistik perdagangan antarabangsa dan imbalan pembayaran.

Menurut YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, pengiktirafan Malaysia merupakan komitmen aktif DOSM yang menyeluruh terhadap kerjasama antarabangsa dalam mempromosikan statistik berkualiti dan berusaha ke arah matlamat Agenda 2030 iaitu "*Leave No One Behind*". Sehingga kini, Malaysia merupakan salah satu negara yang utama dalam menyediakan kepakaran dan akan meneruskan komitmen ke arah sistem statistik yang lebih berkesan.

DOSM telah melancarkan *OpenDOSM NextGen* sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. *OpenDOSM NextGen* ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan *MyStats Day* adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 OKTOBER 2023**